

PENGAMAL PERUBATAN YANG DIBERIKAN PENGECUALIAN DARIPADA MENJALANI PRIMARY SOURCE VERIFICATION (PSV) OLEH MAJLIS PERUBATAN MALAYSIA (MPM)

MPM dalam mesyuaratnya kali ke-410 bertarikh 21 September 2021 telah bersetuju untuk memberikan pengecualian PSV bagi pengamal perubatan yang memiliki kelayakan kepakaran daripada institusi luar negara yang ingin berdaftar sebagai Pakar Perubatan sekiranya memenuhi syarat-syarat berikut:

- i. Pengamal yang telah diwartakan sebagai seorang Pakar Perubatan oleh Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia (KPK) sebelum tempoh penguatkuasaan pindaan Akta Perubatan 1971 (Pindaan 2012) pada 1 Julai 2017;
- ii. Pengamal perubatan yang memiliki kelayakan *Membership of the Royal Colleges of Physicians of the United Kingdom* (MRCP UK) setelah menduduki peperiksaan tersebut di Malaysia **pada tahun 2019 dan seterusnya sahaja**, serta telah disahkan oleh Royal College of Physicians (RCP) bahawa telah lulus peperiksaan tersebut. Pihak RCP akan mengeluarkan senarai pengamal yang lulus secara terus kepada pihak MPM.

Walaupun bagaimanapun, pihak MPM berhak untuk mengarahkan mana-mana pengamal yang memenuhi syarat di atas untuk melaksanakan proses PSV bagi kelayakan kepakaran mereka sekiranya:

- i. Terdapat unsur – unsur keraguan atau kecurigaan pemalsuan yang munasabah dalam dokumen atau permohonan pengamal berdasarkan pertimbangan Majlis;

Sebarang pertanyaan lanjut boleh diajukan kepada Sekretariat MPM di talian 03-26912171 (sambungan: 129, 211 & 283) atau emel kepada ecsmq@mmc.gov.my.

Sekian, terima kasih

MAJLIS PERUBATAN MALAYSIA
(13 JUN 2022)

MEDICAL PRACTITIONERS WHO ARE GIVEN EXEMPTION FROM PRIMARY SOURCE VERIFICATION (PSV) BY MALAYSIAN MEDICAL COUNCIL (MMC)

MMC in its 410th meeting dated 21st September 2021 has agreed to give exemption from PSV for medical practitioners who wish to register as specialist and meet the following criteria:

- i. Practitioners who have been gazetted as specialists by Ministry of Health (MOH) before the enforcement of Medical Act 1971 (Amendment 2012) on 1st July 2017.
- ii. Practitioners with Membership of the Royal Colleges of Physicians of the United Kingdom (MRCP UK) qualifications who sat for the examination in Malaysia **starting 2019 and onwards**, with verification from Royal College of Physicians (RCP) that he/she has passed the examination. RCP will provide the list of practitioners directly to MMC.

However, a practitioner may still be instructed by MMC to undergo the PSV process if the Council upon discretion has found elements of forgery or reasonable doubt in the documents or application.

For further inquiries, please contact the MMC Secretariat at 03-26912171 (extension: 129, 211 & 283) or email to ecsmq@mmc.gov.my.

Thank you.

**MALAYSIAN MEDICAL COUNCIL
(13 JUNE 2022)**